

06 NOV 2000

Mahathir-Jadual

DR MAHATHIR PUNYAI JADUAL KETAT MENJELANG RAMADAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual yang ketat menjelang bulan puasa dengan menghadiri empat persidangan antarabangsa dalam masa tiga minggu akan datang.

Dr Mahathir berkata beliau akan menghadiri persidangan kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Qatar yang bermula esok dan berakhir 14 Nov.

Beliau berkata tidak ada tajuk tertentu untuk dibincangkan pada persidangan OIC itu tetapi dijangka akan menyentuh isu-isu globalisasi.

"Saya juga diundang untuk memberi ucapan kepada para intelektual, ahli perniagaan dan ulama di situ tentang cabaran globalisasi," katanya pada sidang berita selepas merasmikan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40.

Dari Doha, Dr Mahathir berkata beliau akan ke Bandar Seri Begawan untuk menghadiri mesyuarat Apec yang dijadualkan dari 10 hingga 16 Nov.

Sekembalinya ke tanah air, Dr Mahathir akan menghadiri Perhimpunan Agung Khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 18 Nov.

Selepas itu, beliau dijadualkan menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di Langkawi pada 19 hingga 22 Nov.

Dr Mahathir berkata beliau juga akan menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean dan Mesyuarat Asean Campur Tiga di Singapura pada 24 - 25 Nov.

"Tempoh itu sangat sibuk sebelum ketibaan bulan puasa," kata beliau.

-- BERNAMA

AR AZZ NMO